

Dr Mahathir enggan ulas isu AP

BH - 28/7/2005

S HAH ALAM: Selepas membuat kenyataan panjang lebar mengenai isu permit import (AP) kereta kelmarin, Tun Dr Mahathir Mohamad enggan menyentuh isu yang sama, semalam.

Bekas Perdana Menteri yang dirapati pemberita selepas menghadiri majlis Bintang Kecil Bersama Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di perkarangan ibu pejabat syarikat media Karangkruf di sini, pada mulanya kelihatan tidak keberatan untuk ditemu bual pihak media.

Bagaimanapun apabila seorang pemberita mendedahkan bentuk soalnya berkaitan AP ketika beliau menuju ke arah keretanya untuk pulang, Dr Mahathir berkata: "Tidak mahulah."

Dr Mahathir dan isterinya sebelum itu menghabiskan masa bersama 50 kanak-kanak yang menjadi jemputan majalah Bintang Kecil terbitan Kumpulan Karangkruf Sdn Bhd sempena ulang tahun kedua majalah itu.

Mereka berdua ditanya pelbagai soalan antaranya mengenai hari jadi, cita-cita, fesyen, binatang yang paling 'geli' dan perbezaan anak-anak kini dan dulu.

Dr Mahathir berkata, pada kebiasaan, beliau menyambut hari jadinya di luar negara agar 'tidak banyak heboh-heboh' dengan ditemani Dr Siti Hasmah serta beberapa pengawal keselamatannya.

Katanya, ular adalah binatang yang paling beliau 'geli' daripada ketika kanak-kanak sehingga sekarang.

Dr Siti Hasmah pula berkata, beliau menanamkan cita-cita untuk menjadi seorang wartawan sewaktu kecilnya kerana minat menulis dan membaca.

Bagaimanapun, beliau 'memadamkan' hasrat itu ketika Perang Jepun kerana tiada bahan bacaan untuk dibaca.

Katanya, beliau menukar minat untuk menjadi doktor perubatan pada ketika itu apabila ibunya sakit dan disebabkan pengetahuan perubatan yang kurang, penyakitnya tidak diketahui.

Ditanya perbezaan kanak-kanak perempuan dulu dan sekarang, Dr Siti Hasmah berkata, sememangnya ada banyak perbezaan seperti dalam fesyen pakaian.

Katanya, kanak-kanak dulu 'tidak tahu berhias, tidak pandai memilih' dan memakai pakaian apa saja yang dipilih orang tua, sebaliknya kanak-kanak sekarang terdedah dengan majalah, televisyen dan kawan-kawan untuk mempengaruhi fesyen pakaian. - Bernama



Saya perlu menghadiri banyak undangan untuk sambutan hari jadi ke-80 dan apabila banyak majlis seperti itu, saya diperingatkan mengenai diri yang semakin tua"

Dr Mahathir Mohamad,

Bekas Perdana Menteri

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION